



**KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**TEKS UCAPAN  
MAJLIS PERHIMPUNAN  
DAN RAMAH MESRA BERSAMA WARGA KPKM**

**YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU  
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**TAJUK:  
KETERJAMINAN MAKANAN TANGGUNGJAWAB SEMUA**

**11 MEI 2023 (KHAMIS) | 11.00 PAGI  
DEWAN MAEPS SERDANG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wa Barakatuh dan Salam  
Malaysia Madani,

**[SALUTASI]**

**YB TUAN CHAN FOONG HIN**

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

**YBHG. DATUK LOKMAN HAKIM ALI**

Ketua Setiausaha

**YBHG. DATUK BADRUL HISHAM BIN MOHD**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

**YBHG. DATUK AZAH HANIM BINTI AHMAD**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Setiausaha Bahagian Kanan, Setiausaha-Setiausaha  
Bahagian, Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi ,  
Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya kasihi sekalian,

## [KATA ALU-ALUAN]

Selamat Pagi dan Salam Cukup & Terjamin,

1. Alhamdulillah. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi, dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan dan Ramah Mesra Bersama Warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).
2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Terima kasih kepada YBhg Datuk KSU dan pasukan urus setia di atas penganjuran Majlis pada pagi ini. Kehadiran tuan/puan ke majlis ini juga amat saya hargai.
3. Tema yang diangkat pada hari ini, iaitu **Keterjaminan Makanan Tanggungjawab Semua** adalah cerminan kepada peranan Kementerian ini sebagai penjamin bekalan makanan negara supaya sentiasa mencukupi dan tersedia buat semua rakyat Malaysia.

## **[KEKUATAN KPKM MELALUI KEBERSAMAAN]**

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

4. Sebagai sebuah organisasi yang berkhidmat untuk kesejahteraan rakyat dan negara - adalah penting untuk kita semua bekerja sebagai satu pasukan. Tanpa kerja sepasukan, yang ringan akan menjadi berat, yang berat akan menjadi beban.
5. Justeru, saya ingin mengajak seluruh warga Kementerian ini supaya sentiasa menunjukkan kebersamaan dan bergerak sebagai satu entiti yang berwibawa.
6. Selepas lima (5) bulan saya di Kementerian ini, saya lihat keakraban sesama warga Kementerian dan agensi adalah sangat baik, namun perlu diperkukuhkan.
7. Saya sering menyatakan bahawa Kementerian ini di sepanjang waktu sentiasa diuji dengan pelbagai isu dan cabaran bagi memastikan bekalan makanan terus terjamin. Walau bagaimanapun, dengan muafakat dan kerjasama semua pihak, alhamdulillah, semua cabaran dapat ditangani dan diselesaikan.

8. Di kesempatan ini juga, **saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua warga Kementerian kerana telah bekerja keras untuk memastikan bekalan makanan sepanjang Ramadan sehingga ke hari ini masih mencukupi.** Tahniah saya ucapkan kepada semua. Pada saya, ini suatu pencapaian yang membanggakan untuk Kerajaan Madani dan kita semua.
9. Namun begitu, kita semua tidak boleh mudah berasa selesa. Melalui data-data terkini yang kita perolehi; nampaknya dunia masih berhadapan dengan cabaran rangkaian bekalan makanan, kenaikan inflasi, pemanasan global serta perubahan iklim. Sektor pertanian antara sektor yang dijangka akan terkesan dengan faktor-faktor yang saya nyatakan tadi.
10. Justeru, **saya ingin mengingatkan semua sekali lagi supaya terus bekerja sebagai satu pasukan.** Saya yakin dengan keunikan serta fungsi tersendiri yang dimiliki oleh setiap jabatan dan agensi; kita boleh saling lengkap-melengkapi untuk mendepani apapun isu yang berkaitan dengan bekalan dan keterjaminan makanan. Inilah semangat dan kekuatan kita.

## [PENINGKATAN KOS SARA HIDUP]

**Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,**

15. Kementerian ini juga amat prihatin terhadap keluh kesah rakyat susulan peningkatan kos sara hidup yang melanda. Walaupun isu kos sara hidup secara khususnya adalah di bawah kementerian lain tetapi KPKM juga telah turut berusaha untuk mengurangkan beban rakyat.
  
16. Beberapa inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), antaranya seperti berikut:
  - (a) menyalurkan **bantuan subsidi dan insentif untuk industri padi dan beras berjumlah RM1.62 bilion** yang merangkumi pelbagai program bagi meningkatkan produktiviti padi negara serta meringankan beban kos pengeluaran yang ditanggung oleh pesawah;
  
  - (b) menyediakan **sumbangan tunai sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga (3) bulan atau**

**semusim kepada 240,000 pesawah dengan peruntukan sebanyak RM228 juta;**

(c) meneruskan **Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) Laut dengan kadar bayaran RM300 sebulan** bagi pemilik vesel Zon A dan pekerja Zon A, B, C dan C2 yang bertaraf warganegara. Selain itu, **Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) Darat turut diberikan dengan kadar bayaran RM250 sebulan;**

(d) melaksanakan **Projek Khas Perumahan Nelayan** untuk membina dan membaik pulih rumah bagi membangunkan penempatan semula nelayan; dan

(e) meneruskan pemberian **subsidi bagi telur dan ayam kepada penternak mulai Januari sehingga Jun 2023 dengan peruntukan sebanyak RM1.28 bilion.** Langkah ini diambil bagi memastikan bekalan telur dan ayam dalam negara kekal stabil.

17. Di samping itu, KPKM turut melaksanakan **Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri kepada pesawah, nelayan laut dan nelayan darat sebanyak RM 200 seorang** pada 10 April yang lepas. Bantuan khas ini telah

memanfaatkan seramai 240,000 orang pesawah dan 38,500 orang nelayan di seluruh negara.

18. Tambahan pula, KPKM turut melaksanakan pembayaran **Bantuan Khas BERNAS kepada pesawah di empat (4) negeri iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Selangor**. Bantuan sebanyak RM250 kepada pesawah ini telah memanfaatkan seramai 81,153 pesawah berdaftar melalui sumbangan RM20 juta daripada BERNAS.

### **[INISATIF MEMPERKASA AGENDA KETERJAMINAN MAKANAN]**

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

19. Bagi membolehkan rakyat mendapat akses kepada bahan makanan segar pada kadar yang berpatutan, KPKM melalui FAMA telah **menjenamakan semula Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) kepada Jualan Agro Madani**. Hasil belian ini kemudiannya diedarkan menerusi 1,548 buah outlet peruncitan FAMA di seluruh negara.



20. Pada tahun 2023, FAMA akan meningkatkan lagi bilangan penganjuran program Jualan Agro Madani. Selain itu, KPKM turut memperluaskan penganjuran Jualan Agro Madani ini melibatkan **Peladang Outlet di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pasar Nelayan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).**
21. FAMA juga telah mengadakan **Program Jualan Ramadan Madani** di 268 lokasi terpilih seluruh negara seperti di Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Medan Niaga Satok, Sarawak sempena kedatangan Ramadan yang melibatkan penyertaan sebanyak 13,555 usahawan. Nilai jualan yang direkodkan semasa program berlangsung adalah sebanyak RM20.14 juta.
22. Manakala, bagi **Program Jualan Khas Syawal Madani**, ianya telah dilaksanakan di 103 outlet pemasaran FAMA di seluruh negara bermula 15 April 2023 bagi meningkatkan akses pengguna kepada keperluan bekalan makanan menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri.

**Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,**

23. Dalam amanat saya pada awal tahun ini, saya telah meletakkan **5 fokus utama** Kementerian untuk tahun ini iaitu:

- memperkasakan industri akuakultur
- memperluas ternakan lembu secara fidlot
- penanaman jagung bijian
- mempertingkatkan penglibatan belia
- memperkasakan institut latihan

24. Antara tindakan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh KPKM bagi menjayakan hasrat tersebut adalah seperti berikut:

(i) memperkasakan pengeluaran ikan makanan melalui akuakultur yang menyasarkan pengeluaran akuakultur berbanding perikanan tangkapan pada nisbah 60:40. Sasaran pengeluaran akuakultur bagi tahun 2023 adalah sebanyak 480,000 tan metrik, manakala sasaran jangka sederhana (2025) dan jangka panjang (2030) masing-masing adalah sebanyak 630,000 tan metrik dan 958,000 tan metrik;

(ii) peluasan penternakan secara fidlot bagi memperkasakan pengeluaran lembu pedaging untuk mencapai Tahap Sara Diri (SSR) sebanyak 50% pada 2030, selain daripada pengeluaran ladang nukleus dan ladang pengganda;

(iii) meningkatkan pengeluaran jagung bijian bagi mengurangkan kebergantungan import sebanyak 30% menjelang tahun 2032. Dalam hal ini, program dan inisiatif dirangka melalui pengukuhan Program Pembangunan Jagung Bijian Negara dalam memastikan kemampanan dan keterjaminan bekalan makanan negara;

(iv) melaksanakan Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya; dan

(v) membangunkan makanan ternakan alternatif dan memperkasa industri benih tempatan bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada import

input pertanian yang akan menyumbang kepada kestabilan harga makanan.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

25. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin memberi penekanan bahawa pendekatan keseluruhan Kerajaan atau *whole of government approach* dengan mengutamakan keperluan dan suara rakyat adalah amat penting dalam menyahut cabaran keterjaminan makanan negara. Dalam hal ini, pendekatan secara *bottom-up* dan *top-down* akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan secara strategik.
26. Saya juga ingin mengingatkan diri saya dan kita semua supaya sentiasa menjaga amanah dan berintegriti ketika menjalankan sebarang urusan. Sekali lagi saya ingatkan bahawa **Keterjaminan Makanan Adalah Tanggungjawab Semua**, bekerjalah sebagai satu pasukan dan sentiasalah menjaga integriti Kementerian ini.
27. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada seluruh warga petani, penternak dan nelayan serta pemain industri yang turut sama

menyumbang tenaga demi memperkukuh agenda keterjaminan negara yang merupakan tanggungjawab kita semua.

28. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua pihak yang bertungkus lumus secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Majlis Perhimpunan dan Ramah Mesra bersana warga KPKM.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh dan Selamat Sejahtera.